

Peranan Ulama dalam Masyarakat Melayu-Indonesia

Azhar Ibrahim Alwee

*P*eranan besar yang dimainkan golongan ulama dalam masyarakat Melayu-Indonesia memang tidak dapat dinafikan termasuk memainkan peranan instrumental dalam penyebaran dan pemantapan Islam di rantau ini.

Dalam masyarakat Melayu lama, ulama dan santeri adalah cerdik pandai selain para pujangga istana.

Ada ulama yang mempunyai kaitan dengan golongan istana sekiranya para penguasa mempunyai minat khas dalam ilmu keagamaan dan menjadi penaungnya.

Ada pula ulama yang bermukim di tengah-tengah rakyat, menjadi guru agama kepada masyarakat setempat, atau mendirikan pondok atau pesantren sebagai pusat pengajian agama Islam.

Tentu sekali sumbangan mereka amat besar kepada pendidikan agama dan literasi Melayu sedang golongan feudal tidak pernah menaruh minat untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada rakyat jelata, termasuklah golongan penjajah yang pada dasarnya acuh tak acuh tentang perkembangan pendidikan Melayu.

Tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa golongan ulama adalah kelompok berpengaruh dalam masyarakat Melayu yang memonopoli wacana dan pendidikan agama.

Hari ini, dalam sebuah negara yang moden, dengan terdirinya birokrasi agama, golongan ulama mengambil tempat dalam institusi-institusi tersebut, seperti jabatan agama, majlis agama dan pusat Islam, selain mengajar di pusat pengajian tinggi.

Ada juga 'ulama bebas' yang tidak terikat dengan mana-mana institusi formal tetapi menjalankan kegiatan dakwah dan mengajar.

Ada ulama yang disebut dalam 'establishment' dan ada pula cenderung dalam kelompok pembangkang setelah memasuki politik pembangkang.

Namun hari ini status ulama sebagai penjaga (guardian) yang terkedepan dalam memastikan mereka memiliki monopoli wacana agama semakin sukar dipertahankan.

Dengan ruang awam semakin luas terbuka, dan golongan berpendidikan Melayu/Islam semakin ramai, didapati sukar untuk diterima secara total apa jua tafsiran agama yang telah diberikan golongan ulama.

Jangkaan hari ini ialah apa jua keputusan dan pendirian yang diambil golongan ulama harus dipertanggungjawabkan, dijelaskan dengan hujah objektif, tanpa mempertegaskan penerimaan mutlak berdasarkan keyakinan iman semata.

Cabaran hidup yang kian kompleks tentunya memerlukan golongan kepimpinan agama yang sama anjal dengan perubahan semasa.

Hari ini pentafsir, pentakrif dan penjelas perihal agama bukan lagi seeksklusif di tangan golongan ulama.

Persoalan agama, sama ada perihal syariah mahupun fiqah telah dan terus disinggung, dikupas dan dipersoal oleh golongan inteligensia Melayu sendiri, para ahli akademik di universiti, termasuk golongan wanita Melayu/Muslim, yang selama ini langka (rare) kehadirannya dalam wacana Islam tempatan.

Hari ini cabaran kepada golongan ulama semakin rumit.

Di saat masyarakat sedang menyesuaikan rentak kehidupan moden, memang dijangkakan ulama sebagai sebahagian daripada kepimpinan masyarakat yang dapat memberikan:

- Penjelasan dan panduan rohaniah bagaimana manusia dan masyarakat dapat terus berpegang kepada ajaran agama, tanpa perlu menolak kehidupan moden;
- Asas kemanusiaan dan keagamaan yang teguh dalam kehidupan majmuk; dan
- Sumbangan intelek dalam mengenal pasti permasalahan masyarakat serta menganjurkan jalan keluar, namun bukan pula yang simplistik dan reduksionis, contohnya semua masalah dalam masyarakat disebabkan 'kurang iman' dan jalan keluar ialah bertakwa.

Dengan itu, golongan ulama sendiri harus bersedia untuk terbuka mendalami dan meneliti sains kemasyarakatan, suatu ilmu bantu yang dapat memperjelas struktur sosio-ekonomi masyarakat, dinamika hubungan kelompok, cengkaman ideologi dan permasalahan rakyat terbanyak.

Ulama yang sekadar mahu jadi guru agama berkenaan fardu ain dan hukum hakam ibadat adalah ulama yang telah membelakangkan tanggungjawab mereka sebagai sebahagian daripada kelompok intelektual dalam masyarakat.

Ini bukan bererti kita memperkecilkan persediaan ibadat, melainkan mempertegas bahawa pertanggungjawaban Muslim sebagai teramanah khalifah Allah di bumi, tidak sekali boleh dipersempit dengan perihal ibadat dan keselamatan di akhirat saja.

Tentu di kalangan ulama hari ini ada yang sedar bahawa peranan penting mereka tidak boleh diabaikan. Suatu kritik dalaman yang dibuat di kalangan ulama yang tercerah dan progresif adalah satu upaya yang membawa harapan.

Seperti kelompok cerdik pandai yang lain, kini timbul kesedaran bahawa untuk berfungsi dalam masyarakat, mereka perlukan pemahaman yang berhemah dan canggih bukan saja dalam ranah agama, tapi juga dalam hal perkembangan masyarakat.

Keanjalan mengintesiskan pemikiran kontemporari dengan nilai-nilai keagamaan dan kemanusiaan yang universal, haruslah menjadi keutamaan golongan ulama.

Hanya dengan ini, ulama sebagai kepimpinan kerohanian dan cerdik pandai dalam masyarakat yang akan dapat menyumbang ke arah kehidupan yang lebih bermakna, terlepas daripada belenggu ketidakmanusiaan dan kemunduran sosial dan ketidakadilan.

[Artikel ini telah disiarkan di Berita Harian, 29 November 2007, dengan tajuk 'Pertahan Peranan dan Kepimpinan Ulama.]